

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Kifugan Cream
2. Bagaimana Kifugan Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan Kifugan Cream
4. Cara menggunakan Kifugan Cream
5. Semasa menggunakan Kifugan Cream
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Kifugan Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Kifugan Cream

Kifugan cream digunakan untuk penggunaan secara topikal dalam rawatan ekzema: tidak bertindak balas kepada kortikosteroid yang kurang poten, keadaan keradangan kulit yang dijangkiti dengan kulat, yis atau bakteria.

- Jangkitan kulat yang berlaku pada bahagian badan yang berlipat.

Bagaimana Kifugan Cream berfungsi

Kifugan Cream mengandungi ubat yang dikenali sebagai Econazole nitrate dan Triamcinolone acetonide. Econazole nitrate tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil "antifungal".

Triamcinolone acetonide adalah salah satu daripada kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai kortikosteroid dan akan mengurangkan keradangan.

Sebelum menggunakan Kifugan Cream**- Bila tidak boleh menggunakan**

Jangan gunakan Kifugan Cream jika anda alah (hipersensitif) kepada Econazole nitrate dan Triamcinolone acetonide atau mana-mana bahan lain dalam Kifugan Cream.

Jangan gunakan Kifugan cream jika anda mempunyai penyakit virus dan *tuberculosis* (jangkitan bakteria) pada kulit, jerawat teruk di kawasan muka, kudis, keradangan kulit pada kawasan mulut dan jangkitan kuman.

- Sebelum menggunakan Kifugan Cream

Kifugan Cream adalah untuk kegunaan luar pada kulit sahaja. Sila ambil perhatian sekiranya anda menggunakan Kifugan Cream untuk jangka masa yang lama, atau menggunakan pembalut luka yang ditutup sepenuhnya, atau digunakan pada kanak-kanak, atau jika anda mengalami jangkitan kulit di bahagian bawah kaki atau mengalami masalah peredaran darah.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda menggunakan atau baru-baru ini telah menggunakan mana-mana ubat-ubatan lain, termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi

Mengandung dan menyusu

Anda perlu beritahu doktor anda jika anda mengandung atau menyusu, sebelum anda mula menggunakan Kifugan Cream.

Anda perlu menggunakan Kifugan Cream dengan berhati-hati sekiranya anda sedang mengandung pada peringkat trimester pertama atau sedang menyusukan anak.

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat.**Cara menggunakan Kifugan Cream**

Sentiasa menggunakan Kifugan Cream seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan sedikit pada kawasan yang dijangkiti mengikut keperluan.

- Bila perlu digunakan

Sapukan dua kali sehari sehingga kesan bertambah baik.

- Berapa lama perlu digunakan

Untuk memastikan kesan bertambah baik, gunakan sekali sehari atau kurang daripada itu.

Walau bagaimanapun, jika tiada perubahan yang diperhatikan dalam masa 1 minggu, anda perlu hentikan

penggunaan dan berjumpa dengan doktor

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan krim anda pada masa yang ditetapkan, gunakan sebaik sahaja anda mengingatinya, kemudian gunakan seperti biasa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Terlebih dos pada kawasan yang kecil tidak akan menyebabkan apa-apa gejala. Tetapi, jika ia melibatkan kawasan yang besar, ia akan menyebabkan kesan pada sistem badan dan gejala-gejala ini mungkin akan berlaku seperti bengkak pada muka (*moon face*) dan gejala selepas memberhentikan penggunaan ubat ini seperti demam dan sakit otot.

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan dengan segera.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan produk ini, tanya doktor atau ahli farmasi.

Semasa menggunakan Kifugan Cream**- Perkara yang perlu dilakukan**

Sentiasa mencuci tangan anda sebelum dan selepas anda menggunakan krim.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan pada kanak-kanak atau bayi melainkan jika diarahkan oleh doktor. Jangan gunakan ubat ini jika ini berkenaan dengan anda. Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jauhi ubat ini daripada mata dan mulut anda. Jika terkena mata, basuh dengan air serta merta.

Kesan-kesan sampingan

Kifugan cream boleh menyebabkan kebas pada jari, sakit, merah atau lepuh yang mengandungi nanah dan gatal di folikel rambut, kulit menipis, jangkitan kulit sekunder, dan menimbulkan bintik-bintik merah seperti ketuat terutamanya pada bahagian muka.

Penggunaan yang berterusan/intensif boleh menyebabkan penipisan kulit setempat (mudah mendapatkan lebam, terutama jika digunakan pada bahagian muka dan kawasan kulit yang berlipat), garisan-garisan berwarna merah-ungu pada lengan, muka, kaki, pangkal peha dan pengembangan salur darah pada permukaan kulit. Penggunaan perlu diberhentikan serta merta.

Penggunaan ubat yang banyak serta pada jangka masa yang lama pada kawasan yang luas boleh menyebabkan penyerapan pada kulit, di mana ia diserap oleh seluruh tubuh dan menghasilkan hormon kortisol yang tinggi (*hypercorticism*) dan menyebabkan supresi sistem sentral yang bertindak balas terhadap tekanan, terutamanya pada bayi, kanak-kanak dan jika anda menggunakan pembalut luka yang ditutup sepenuhnya.

Kanak-kanak dan remaja lebih cenderung untuk mengalami kesan sampingan kerana mereka mempunyai nisbah luas permukaan kulit kepada berat badan yang lebih tinggi dan mempunyai kulit yang masih kurang matang dan lebih nipis, yang menyebabkan penyerapan hormon *corticosteroid* yang lebih banyak.

Jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan ini dan ia menjadi serius termasuk kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers

Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers Reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan

Kifugan Cream

- *Penyimpanan*

Lindungi daripada cahaya dan simpan di bawah suhu 30°C.

Jauhkan daripada jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

- *Pelupusan*

Jangan guna ubat itu selepas tarikh luputnya. Pulang krim yang tidak digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan krim jika doktor menasihati anda. Jangan buang krim tersebut dengan sisa isi rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*

Kifugan Cream adalah krim putih. Ia boleh didapati dalam tiub 10g.

- *Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif

10 mg Econazole Nitrate dan 1mg Triamcinolone Acetonide

- Bahan tidak aktif

Cetyl Alcohol, Mineral Oil, Isopropyl Myristate, Cream Base Wax, Polyoxyethylene (25) Cetyl Ether, Glyceryl Monostearate, Methyl Paraben, Fragrance 2951, Peppermint Oil dan Purified Water.

- *Nombor MAL*

MAL08042462A

Pengilang

Siu Guan Chem.Ind.Co., Ltd
No 128 Shin Min Road, Chiayi 600,
Taiwan

Pemegang Pendaftaran Produk

Averroes Pharmaceuticals Sdn. Bhd.
11E, Aras 5, Blok 1
Worldwide Business Centre
Jalan 13/50, Seksyen 13
40000 Shah Alam
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

03/08/2015

Nombor siri:

BPFK(R4/1)140715/00191